



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN
TUN ABDUL RAZAK:
“ARKITEK PEMBANGUNAN NEGARA BANGSA”**

**8 SEPTEMBER 2026 (SELASA)
10.00 PAGI**

**MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
JALAN PERDANA, KUALA LUMPUR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **YAB Perdana Menteri** atas kesudian hadir untuk merasmikan **Program Mengenang Negarawan Tun Abdul Razak: “Arkitek Pembangunan Negara Bangsa”** pada hari ini.
2. Program ini merupakan anjuran **Kementerian Perpaduan Negara** menerusi **Arkib Negara Malaysia** dan **Yayasan Tun Razak**, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengenang dan mengangkat legasi para negarawan negara agar terus dikenali serta dihayati oleh generasi masa kini dan akan datang.
3. Untuk makluman semua, **Majlis Mengenang Negarawan** merupakan salah satu program *signature* **Kementerian Perpaduan Negara** yang dianjurkan pada **setiap tahun**. Program ini menjadi wadah untuk kita menghayati sejarah, dan sumbangan tokoh-tokoh yang telah memainkan peranan penting dalam pembinaan negara.

4. Pada tahun lalu, Kementerian telah menganjurkan Majlis Mengenang Negarawan yang mengangkat sumbangan **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun V. T. Sambanthan dan Tun Jugah Anak Barieng**. Manakala pada tahun ini pula, kita meneruskan kesinambungan usaha tersebut dengan mengenang **Tun Fuad Stephen dan Tun Abdul Razak Hussein**.

SUMBANGAN TUN ABDUL RAZAK

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Tun Abdul Razak mempunyai sumbangan besar kepada perpaduan negara, khususnya dalam memulihkan keamanan dan kestabilan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Sebagai **Pengerusi Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)** yang ditubuhkan pada 16 Mei 1969, beliau memimpin pentadbiran negara dalam tempoh darurat bagi menangani dua cabaran utama ketika itu, iaitu **memulihkan perpaduan kaum dan mengatasi ketidakseimbangan sosioekonomi**. Di bawah kepimpinan MAGERAN, **Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan pada Julai 1969**, manakala **Majlis Perundingan Negara (MPN) ditubuhkan pada Januari 1970** sebagai platform membina semula perpaduan nasional.

6. Hari ini, asas yang dibina tersebut terus diterjemahkan melalui gerak kerja **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)**. Lebih **8,659 Kawasan Rukun Tetangga**, **5,507 Skim Rondaan Sukarela** dan lebih **1,700 Tabika Perpaduan** menjadi platform penglibatan masyarakat di peringkat akar umbi. Dalam mengurus isu perpaduan pula, pendekatan ***reformative*** diperkasa melalui perkhidmatan mediasi yang melibatkan **595 mediator dan 12 Pusat Mediasi Komuniti**, manakala **Sistem RAKAN** menjadi saluran bagi rakyat melaporkan isu untuk diambil tindakan segera oleh agensi kerajaan yang berkaitan.
7. Selain itu, hasil daripada usaha MAGERAN juga, **Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sebagai ideologi kebangsaan**. Setelah 56 tahun, Rukun Negara kekal relevan dan terus menjadi kompas dalam membina jati diri serta memperkukuh perpaduan rakyat.
8. Berteraskan asas tersebut, Kementerian Perpaduan Negara terus memastikan **penghayatan Rukun Negara berkembang mengikut keperluan zaman menerusi pendekatan “*cradle to grave*”**. Pendidikan Rukun Negara dimulakan seawal usia empat tahun melalui **Tabika Perpaduan**, diteruskan melalui **Kelab Rukun Negara di sekolah** dan diperkasakan di institusi

pengajian tinggi melalui Sekretariat Rukun Negara. Kerajaan MADANI turut memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penghayatan dan pengamalan Rukun Negara antaranya **Gerak Integrasi Perpaduan, Jelajah Belia Rukun Negara, Citra Negaraku dan Arkib@Sekolah.**

9. Sumbangan Tun Abdul Razak turut terserlah dalam bidang pendidikan dan pembangunan sosioekonomi. Melalui **Penyata Razak 1956**, beliau meletakkan asas kepada **sistem pendidikan kebangsaan yang menjadikan pendidikan sebagai instrumen penting untuk membina identiti bersama**, di samping memelihara kepelbagaian bahasa dan budaya.
10. Dalam pembangunan ekonomi pula, beliau meletakkan asas kepada **Dasar Ekonomi Baru (DEB)** yang memberi tumpuan kepada **pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi**. Melalui **Rancangan Buku Hijau** pula, beliau memberi penekanan kepada peningkatan pengeluaran makanan, penggunaan tanah secara optimum dan penambahan pendapatan rakyat, khususnya masyarakat luar bandar.

PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

11. Kini, **Kerajaan MADANI** menerusi **Kementerian Perpaduan Negara** terus komited untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu, harmoni, dan mempunyai jati diri yang kukuh. Menerusi **Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)**, Kementerian telah diberi mandat untuk menerajui **Tonggak Pembinaan Negara Bangsa**, sebagai antara agenda penting dalam memperkukuh perpaduan dan identiti nasional.
12. Ia merupakan kesinambungan daripada gagasan yang telah dipelopori oleh negarawan terdahulu, termasuk **Tun Abdul Razak**.
13. Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara kini sedang memperkukuh langkah tersebut melalui pembangunan **Blueprint Pembinaan Negara Bangsa**. Blueprint ini akan memperkukuh beberapa asas penting, termasuk **pemeriksaan identiti nasional, penghayatan Rukun Negara, pendidikan kenegaraan, pengukuhan perpaduan di peringkat komuniti serta penglibatan generasi muda**.

14. Untuk makluman semua, pada hari ini kita berkumpul di **Sri Taman**, tempat yang pernah menjadi **kediaman rasmi Tun Abdul Razak dari tahun 1962 sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir pada tahun 1976**. Sri Taman bukan sekadar sebuah rumah, tetapi sebahagian daripada ruang sejarah yang menyaksikan perjalanan pemikiran, kepimpinan dan perjuangan seorang arkitek pembangunan negara bangsa.
15. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, keluarga Tun Abdul Razak serta semua hadirin yang telah hadir ke majlis pada hari ini.

Sekian, Terima Kasih.